

20 DEC 2001

CUEPACS UCAP TAHNIAH KPD DR MAHATHIR SEMPENA HARI JADI KE-76

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Cuepacs mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena hari jadi beliau ke-76 hari ini.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan berkata walaupun telah mencapai umur 76 tahun, Dr Mahathir masih gigih dan mampu memimpin kerajaan Malaysia yang begitu dinamik, mantap dan dihormati oleh negara luar.

"Rakyat Malaysia dan para pemimpin pelapis yang akan menerajui negara pada masa hadapan perlu mengikut jejak Perdana Menteri yang sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran sama ada daripada segi politik, ekonomi dan sosial baik dalam atau luar negara," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, Cuepacs berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana sentiasa memberi ruang kepada para pemimpin badan itu untuk berunding termasuk mengenai soal kenaikan gaji, kajian semula Sistem Saraan Baru, akujanji dan bonus tahunan kakitangan awam.

"Cuepacs dan seluruh kakitangan awam mendoakan semoga Perdana Menteri berada dalam keadaan sihat sejahtera untuk terus memimpin negara tercinta dalam mencapai Wawasan 2020 untuk seluruh rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA
MAM MAM FAZ